

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 12 Ogos 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

JUN 2025

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 5.9 peratus pada Jun 2025

PUTRAJAYA, 12 Ogos 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Jun 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 5.9 peratus pada Jun 2025 (25,679 tan metrik) berbanding pada Mei 2025 (24,256 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 14.1 peratus (Jun 2024: 29,881 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Jun 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (84.7%) berbanding sektor estet (15.3%).

Jumlah stok getah asli pada Jun 2025 menurun 11.4 peratus kepada 164,189 tan metrik berbanding 185,324 tan metrik pada Mei 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 85.2 peratus diikuti kilang pengguna getah (14.7%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 29,719 tan metrik pada Jun 2025, menurun 17.3 peratus berbanding Mei 2025 (35,939 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 33.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Jun 2025 diikuti Jerman (18.1%), Emiriah Arab Bersatu (9.6%), Amerika Syarikat (7.3%) dan India (3.8%). Prestasi eksport

disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.2 billion pada Jun 2025, menurun 1.7 peratus berbanding Mei 2025 (RM1.3 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 9.0 peratus (Jun 2025: 558.66 sen sekilogram; Mei 2025: 613.80 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 7.0 peratus (Jun 2025: 564.13 sen sekilogram; Mei 2025: 606.67 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menunjukkan penurunan antara 8.9 peratus dan 10.7 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 5.4 peratus daripada USD1.70/kg kepada USD1.61/kg dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 1.5 peratus daripada USD2.19/kg kepada USD2.16/kg.

Prestasi suku kedua 2025 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 28.6 peratus kepada 67,943 tan metrik berbanding 95,101 tan metrik pada suku pertama 2025. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku kedua 2025 pula mencatatkan penurunan 11.5 peratus berbanding suku kedua 2024 (76,814 tan metrik).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Jun 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur dibuka bercampur-campur sepanjang Jun 2025 dengan harga SMR 20 meningkat sedikit disokong oleh aliran menaik dalam pasaran niaga hadapan getah serantau di tengah-tengah peningkatan kebimbangan terhadap bekalan bahan mentah getah asli yang semakin berkurangan berikutan keadaan cuaca buruk di negara pengeluar utama Thailand. Sentimen pasaran meningkat oleh data ekonomi China yang positif ditambah pula dengan unjuran optimis oleh Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) mengenai permintaan getah asli (NR) dan kenaikan harga minyak mentah.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Jun 2024, Mei - Jun 2025
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Jun 2024, Mei - Jun 2025
(‘000 tan metrik)



Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2024/2025
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 OGOS 2025